

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 1975

BAYARAN DAN SYARAT-SYARAT PEMBERIAN MILIK TANAH KEPADА PENEROKA-PENEROKA DALAM RANCANGAN AYER LANAS DAN RANCANGAN-RANCANGAN L.K.T.N.

M.M.K yang bersidang pada 16.10.1975 telah menimbang Kertas Bil. 19/709/75(4) bagaimana kandungan (9) dalam fail T.T.M. 58/10 mengenai kadar bayaran dan syarat-syarat pemberian milik tanah kepada peneroka-peneroka dalam Rancangan Tanah Ayer Lanas dan Rancangan-rancangan Tanah yang lain yang dibuka dan dikelolakan oleh L.K.T.N Mesyuarat itu telah membuat keputusan bagaimana yang berikut:-

- (a) Kadar premium bagi semua tanah-tanah dalam Rancangan L.K.T.N dan juga Rancangan Ayer Lanas hendaklah diselaraskan dan dikenakan kadar yang sama supaya tidak ada perbezaan di antara satu rancangan dengan satu rancangan yang lain.
- (b) Kadar premium, hasil tahunan dan lain-lain bayaran bagi peneroka asal atau waris tuan asal* hendaklah seperti berikut: (kadar ini ialah kadar yang sehabis-habis tinggi yang dibenarkan oleh L.R).

<u>Premium</u>	<u>Premium</u>	<u>Hasil Tahunan</u>	<u>Lain-lain bayaran</u>
Getah	\$70/-seekar	\$8/-seekar	Mengikut Peraturan Tanah
D.M	\$40/-seekar	\$4/-seekar	Mengikut Peraturan Tanah

Padi	\$10/-seekar	\$2/-seekar	Mengikut Peraturan Tanah
------	--------------	-------------	--------------------------

B/Rumah	\$150/-seekar	\$44/-seekar	Mengikut Peraturan Tanah
---------	---------------	--------------	--------------------------

“Waris tuan Asal” itu maknanya isteri/suami, anak-anak dan bagi peneroka dalam Rancangan L.K.T.N, termasuk juga peneroka-peneroka yang telah dipilih dan disahkan oleh L.K.T.N bagi mengganti peneroka asal yang telah meninggal atau tidak masuk rancangan.

- (c) Bagi peneroka-peneroka baru yang dapat tanah-tanah itu dengan jalan “beli usaha” daripada peneroka asal hendaklah dikenakan premium tambangan atas 25% harga pasaran yang dinilaikan: bagi lot getah \$800/- seeker dan lot dusun \$600/- seekar (premium tambahan ini dikenakan mengikut L.R 10(b)(A) dan dikenakan bagi tanah getah dan D.M sahaja tanah padi dan B/Rumah tidak dikenakan kerana tidak mengandungi tanaman kekal).
- (d) Syarat-syarat pemberian milik yang adalah sebagaimana dalam kertas di Hujungan ‘A’.
- (e) Keputusan M.M.K mengenai dasar pemberian milik tanah Rancangan Ayer Lanas dan juga L.K.T.N. yang dibuat dahulu daripada ini adalah dibatalkan). (Kertas M.M.K Bil 1/12/75(12) dan Bil.5/290/70111).
- (f) Pilihan bayaran premium cara beransur bagi tanah-tanah getah yang boleh ditoreh adalah dibatalkan, tetapi bagi tanah-tanah getah yang belum mendapat hasil lagi, kemudahan seperti itu bolehlah diteruskan. Cara mengenakannya adalah sebagaimana dalam Hujungan ‘B’.

2. Pemungut-pemungut Hasil Tanah yang bersabit dan Pegawai-pegawai Pasukan Bertugas yang telah dilantik sebagai Pemungut Hasil Tanah telah diberi kuasa oleh PIhak Berkuasa Negeri (M.M.K) bagaimana Kn.P.U Bil. 9/1975 bertarikh pada 14hb Ogos 1975 untuk meluluskan permohonan-permohonan milik tanah kepada peserta/peneroka yang sah yang diakui betul oleh pihak Pentadbiran L.K.T.N.

3. Semasa menimbang dan meluluskan permohonan-permohonan milik tanah bagaimana perenggan 2 di atas, syarat-syarat dan kadar bayaran yang ditetapkan bagaimana dalam perenggan 1 di atas hendaklah dipatuhi. Mana-mana kelulusan yang telah diberi terdahulu dari ini dan tidak sejajar dengan ketetapan Kerajaan di perenggan 1 di atas, hendaklah dipinda dan diselaraskan.

Saya yang menurut perintah,

t.t

(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)

Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

KEPADA :

Semua Pegawai-Pegawai Jajahan, Kelantan

Pegawai Tadbir, L.K.T.N Kelantan, Kota Bharu

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah, Kelantan

Pegawai Pasukan Petugas, Pejabat P.T.G.Kn.Kota Bharu

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU : 13HB. NOVEMBER, 1975

Bil. (29) dalam PTG.Kn. 15459

Bil. (10) dalam T.T.M. 58/10

HUJUNGAN ‘A’

SYARAT KHAS DAN SEKATAN BAGI TANAH-TANAH YANG DIBERI MILIK KEPADA PENEROKA-PENEROKA DALAM RANCANGAN AYER LANAS DAN RANCANGAN-RANCANGAN LKTN

(1) Lot Getah

Bahagian Kegunaan – Pertanian

Syarat Nyata

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini boleh ditanam dengan pokok getah.

Sekatan Hakmilik:

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini:-

- (i) Tidak boleh dijual, gadai, pajak, cagar (lien) atau dibuat sebarang perkiraan melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
- (ii) Tidak boleh didaftar dengan nama lebih dari seorang tuan punya melainkan sebagai Penguasa (Administrator) atau sebagai Penjaga Amanah (Trustee);
- (iii) Tidak boleh dipecah sempadan atau pecah bahagian.

(2) Lot Dusun

Bahagian Kegunaan – Pertanian.

Syarat Nyata

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini:-

- (i) Boleh ditanam dengan pokok-pokok buah-buahan.
- (ii) Tidak boleh ditanam dengan pokok-pokok getah dan / atau pokok kelapa sawit.

Sekatan Hakmilik:-

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini :-

- (i) Tidak boleh dijual, gadai, pajak, cagar (lien) atau dibuat sebarang perkiraan melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;
- (ii) Tidak boleh didaftar dengan nama lebih dari seorang tuan punya melainkan sebagai Penguasa (Administrator) atau sebagai Penjaga Amanah (Trustee);
- (iii) Tidak boleh dipecah sempadan atau pecah bahagian.

(3) Lot Padi

Bahagian Kegunaan – Pertanian.

Syarat Nyata

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini:-

- (i) Hendaklah ditanam dengan padi tiap-tiap tahun.
- (ii) Tidak boleh ditanam atau dibiarkan tumbuh dengan sebarang pokok kekal.

Sekatan Hakmilik:-

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini:-

- (i) Tidak boleh dijual, gadai, pajak, cagar (lien) atau dibuat sebarang perkiraan melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;
- (ii) Tidak boleh didaftar dengan nama lebih dari seorang tuan punya melainkan sebagai Penguasa (Administrator) atau sebagai Penjaga Amanah (Trustee);
- (iii) Tidak boleh dipecah sempadan atau pecah bahagian.

(4) Lot Rumah

Bahagian Kegunaan – Bangunan.

Syarat Nyata

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini boleh digunakan untuk satu buah bangunan untuk kediaman sahaja.

Sekatan Hakmilik:-

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini:-

- (i) Tidak boleh dijual, gadai, pajak, cagar (lien) atau dibuat sebarang perkiraan melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;
- (ii) Tidak boleh didaftar dengan nama lebih dari seorang tuan punya melainkan sebagai Penguasa (Administrator) atau sebagai Penjaga Amanah (Trustee);

- (iii) Tidak boleh dipecah sempadan atau pecah bahagian.

HUJUNGAN ‘B’

CARA MENGENAKAN PREMIUM DAN LAIN-LAIN BAYARAN BAGI TANAH LOT GETAH YANG DIBERI MILIK KEPADA PENEROKA- PENEROKA DALAM RANCANGAN AYER LANASDAN RANGKAIAN L.K.T.N

Perkara Bayaran	Lot Getah (6 ekar)
1) Premium	\$420.00 (\$70.00 seekar)
2) Memfailkan Permohonan	\$ 5.00
3) Permohonan, Pendaftaran dan Pengeluaran Hakmilik Sementara	\$ 9.00
4) Pendaftaran Hakmilik Tetap (Geran Mukim)	\$ 3.00
5) Upah Ukur (dituntut 1/3)	\$ 24.00
6) Batu Sempadan (sekurang-kurangnya)	\$ 8.00
7) Penyediaan Pelan atas Hakmilik Tetap	\$ 2.00
8) Hasil Tahunan (kadar baru)	\$ 48.00 (\$8.00 s.e.s.f)
9) Cukai Pelajaran	\$4.80 (10%)
<hr/>	
Jumlah bayaran jika dijelaskan dengan satu bayaran	\$523.80

PERINGATAN: Jika hendak dibenarkan bayaran secara beransur selama 8 tahun maka cara-cara mengenakan bayaran-bayaran itu adalah seperti berikut:-

Ansuran premium selama 8 tahun (bagi lot getah sahaja)	\$52.50
---	---------

Lain-lain bayaran bagi perkara (2)-(9) di atas	\$103.80
--	----------

Jumlah bayaran-bayaran permulaan	\$156.30
----------------------------------	----------

Bayaran tiap-tiap tahun bagi 8 tahun pertama	\$105.30
--	----------

Bayaran tiap-tiap tahun mulai tahun ke-9	\$ 52.80
--	----------